



Sukarelawan OKU turut nikmati kenaikan bayaran sagu hati

BERNAMA



Muhyiddin Yassin

Petaling Jaya: Peningkatan bayaran sagu hati untuk sukarelawan kesihatan yang terbabit dalam proses vaksinasi dan pengurusan Covid-19 turut dinikmati sukarelawan yang khusus menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU), kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata pada ketika ini terdapat kira-kira 100 sukarelawan yang membantu memastikan kelancaran proses vaksinasi dan pengurusan Covid-19 membabitkan golongan OKU.

"(Pertambahan) bayaran ini dari RM50 sehari ke RM100 sehari juga kita berikan kepada sukarelawan OKU yang kini kira-kira 100 orang dan jumlah (sukarelawan) ini mungkin bertambah," katanya dalam sidang media selepas melawat pusat pemberian vaksin (PPV) pandu lalu OKU Sentral di Menara Sime Darby Plantation, di sini hari ini.

Turut hadir Presiden OKU Sentral Senator Datuk Ras Adiba Radzi.

Dalam sidang media di Tangkak, Johor pada 22 Jun lalu, Muhyiddin mengumumkan peningkatan kadar bayaran tersebut sebagai tanda pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan sukarelawan.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata ketika ini terdapat 579,150 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan daripada jumlah itu, seramai 280,904 telah berdaftar di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), setakat 20 Jun lalu.

Trending



Penangan kluster tempat kerja



Bintang TikTok dijej 10 tahun



Bahana bela anak lotong



'Suami saya sudah berubah...'



'Besi bodoh' disadur emas

Katanya daripada jumlah itu, seramai 15,914 sudah mendapat suntikan dos pertama, manakala 3,859 lagi sudah melengkapkan vaksinasi dua dos.

Sementara itu, Muhyiddin mengulangi bahawa masalah bekalan vaksin bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, tetapi juga oleh banyak negara lain yang berpunca daripada monopoli negara-negara maju.

"Walaupun kita dah signed (meterai perjanjian) jumlah yang kita perlukan, yang sudah tiba (hanya) sebahagian dan hari ini belum sampai 10 peratus populasi di Malaysia diberikan vaksin.

"Kita ada kapasiti tapi vaksin tak cukup. Sebab itu saya arahkan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin untuk terus berunding dengan semua pembekal," katanya.

Muhyiddin berkata kerajaan akan meneruskan rundingan bagi memastikan bekalan vaksin yang ditempah diterima sepenuhnya demi mencapai sasaran komuniti kelompok sebelum akhir tahun ini.

• [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 24, 2021 @ 4:47pm

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR
[Sagu hati sukarelawan OKU jadi pembakar semangat](#)



UTAMA
[Program Imunisasi Covid-19 bermula hari ini](#)



MUTAKHIR
[PM harap lebih banyak GLC, NGO bantu jayakan Pick](#)



MUTAKHIR
[Saguhati sukarelawan kesihatan dinaikkan ke RM100 sehari \[METROTV\]](#)

Mutakhir



[11 termasuk lima wanita ditahan berparti dadah](#)



[Yakin 80% dapat divaksin](#)



[Kantoi rentas negeri beli bekalan dadah](#)



[Rumah sewa dijadikan 'port' berjudi](#)



[Econsave terus berbakti](#)



[Lari tinggalkan kereta dipenuhi gula, minyak masak](#)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh |



David and Victoria Beckham Buy...
Mansion Global



Apartments in Petaling Jaya in 2021 Might Be...
Apartments for Sale | ...



Affordable Retirement Homes in...
Luxury Retirement | S...



9 Out of 10 Baby Boomers Fail This Quiz, Will...
TooCool2BeTrue



Wedding Gowns That Shouldn't Reach the Aisle
Parentsdome Galleries



Petaling Jaya: I was surprised when I saw the...
Stair Lift | Sponsored ...



Bayar 2 kali kurang untuk elektrik dengan...
PowerFactorSaver



See Everything from Miles Away with This \$47...
tech4-you.com

MyResipi



Tips Masak Beras Basmathi Supaya Lembut & Tidak Melekat, Baru Lah Sedap Nak Makan!



Jom Cuba Resepi Korean Cream Cheese Garlic Bread, Hanya Guna Roti Burger Je!



Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah



Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!



Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik